

SEMANGAT PERPADUAN DALAM KALANGAN REMAJA B40 YANG TINGGAL DI KAWASAN PERUMAHAN RAKYAT (PPR) SEKITAR KUALA LUMPUR

(Unity among B40 adolescents living in people's housing estate in Kuala Lumpur)

Fauziah Ibrahim, Azianura Hani Shaari, Norulhuda Sarnon, Salina Nen, Nasrudin Subhi, Zaizul Ab Rahman, Mohd Nasir Selamat & Shahrul Nazmi Sannusi

ABSTRAK

Semangat perpaduan merupakan elemen penting dalam mengekalkan keharmonian dan kemakmuran dalam kalangan generasi muda pelbagai bangsa di Malaysia. Oleh itu artikel ini disediakan bertujuan untuk (1) mengukur tahap semangat perpaduan dan (2) mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi semangat perpaduan dalam kalangan remaja B40 yang tinggal di kawasan perumahan rakyat di Malaysia. Kajian dijalankan dengan menggunakan reka bentuk tinjauan keratan-lintang secara kuantitatif. Seramai 244 orang remaja B40 yang tinggal di tiga buah kawasan perumahan iaitu di perumahan Rakyat Desa Rejang, Pantai Ria dan Seri Pantai telah dipilih sebagai responden kajian. Data kajian telah dianalisis dengan menggunakan ujian deskriptif dan regresi pelbagai secara *stepwise*. Analisis deskriptif menunjukkan bahawa majoriti (59.8%) remaja B40 yang tinggal di kawasan perumahan rakyat menunjukkan semangat perpaduan yang sederhana sahaja dan perlu dipertingkatkan. Analisis regresi pelbagai pula mendapati bahawa faktor kesihatan diri ($\beta=.539$, $p<.05$) adalah petunjuk utama yang mempengaruhi semangat perpaduan dalam kalangan remaja B40. Manakala kombinasi kesihatan diri ($\beta=.405$, $p<.05$) dan tingkah laku prososial ($\beta=.289$, $p<.05$) menyumbang sebanyak 6.6% perubahan tambahan terhadap semangat perpaduan. Faktor hubungan kejiwaan dan semangat cintakan Malaysia pula menyumbang sebanyak 3.1% dan 1.4% varians terhadap semangat perpaduan dalam kalangan remaja B40. Kombinasi keempat-empat faktor peramal tersebut telah menyumbang sebanyak 40.1% varians terhadap semangat perpaduan dalam kalangan remaja B40 yang tinggal di kawasan perumahan rakyat. Hasil kajian memberi implikasi positif kepada pihak-pihak yang berkepentingan dalam usaha untuk menyediakan pelan strategik yang komprehensif dalam menambahbaik program-program yang boleh membina dan menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat khususnya remaja B40 yang tinggal di kawasan perumahan rakyat di Malaysia.

Kata kunci: remaja B40, semangat perpaduan, kesihatan diri, tingkah laku prososial, semangat cintakan Malaysia, hubungan kejiwaan.

ABSTRACT

Unity is one of the important elements in maintaining harmony and prosperity among the younger generation in Malaysia. Racial unity among Malaysian youths can be improved using various approaches and measures. This paper aims (1) to assess the level of unity and racial integration among B40 adolescents and (2) to identify the factors that influenced racial unity among the B40 adolescents living in several underprivileged urban areas in Malaysia. The study was developed and conducted based on a quantitative cross-sectional design. A total of 244 adolescents living in three underprivileged urban areas in Kuala Lumpur (Rejang, Ria and Seri Pantai) were selected and responded to a set of questionnaire. The data were analyzed using descriptive and multiple regression tests. Firstly, the findings gathered from the descriptive analysis indicate that the majority (59.8%) of the B40 adolescents living in the underprivileged urban areas have a moderate level of racial unity and integration. Next, the findings gathered from the multiple regression analysis found health factor ($\beta = .539, p < .05$) as the main indicator that influenced the level of unity among these people. The spirit of neighborhood, as well as nationalism, indicated 3.1% and 1.4% of the variance that contribute to racial unity among the respondents. In conclusion, the findings of this research have a positive implication in supporting the government's effort to design a comprehensive and strategic plan that includes various community programs to encourage and improve racial unity among the younger generation in the country.

Keywords: B40 adolescents, racial unity, health, prosocial behavior, nationalism, neighborhood relationships.

PENGENALAN

Perpaduan nasional merupakan tema utama dalam menentukan kesejahteraan negara terutamanya setelah negara mencapai kemerdekaan (Denison, 2010). Matlamat perpaduan bukan sahaja untuk menjaga keharmonian rakyat pelbagai kaum, malah membantu negara membina sebuah negara Malaysia yang produktif ke arah pencapaian matlamat Wawasan 2020. Di Malaysia, kajian berkaitan dengan semangat perpaduan dan dijalankan secara empirikal adalah diperlukan untuk mengenal pasti sejauh mana semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat khususnya generasi muda yang tinggal di kawasan perumahan rakyat di Malaysia. Hasil kajian berkenaan amat berguna untuk membantu negara mengharungi cabaran dalam usaha untuk melakukan penambahbaikan dalam merancang dan menyediakan program-program pembangunan jati diri bagi mengukuhkan semangat perpaduan dalam kalangan generasi muda di Malaysia. Hussein (1987) berpandangan bahawa konsep perpaduan merupakan satu konsep yang mempunyai pengertian yang luas dari sudut ilmiah, iaitu terdapat pelbagai sifat, ciri dan skop sehingga merentasi pelbagai bidang. Dalam konteks masyarakat Malaysia, ia merupakan suatu keadaan yang menggambarkan penyatuan nilai-nilai murni yang dihayati bersama oleh seluruh masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai lapisan keturunan, golongan kaum dan etnik. Manakala Mohammed Yusoff (2003) pula menganggap konsep perpaduan nasional sebagai proses menyatukan rakyat berbilang kaum dan berbeza budaya di bawah satu identiti kebangsaan. Perpaduan dianggap sebagai salah satu unsur

ketahanan nasional yang penting untuk meningkatkan komitmen rakyat terhadap bangsa dan negara tercinta (Abdul Rahim, 1999).

Aziz, Jamaluddin, Kadir & Kadaruddin (2014) dalam kajiannya untuk mengukur tahap kesedaran generasi muda masa kini terhadap patriotisme dan perpaduan nasional di Malaysia mendapati bahawa semangat perpaduan dan patriotism dalam kalangan generasi muda dilihat agak kurang dan kian terhakis. Hasil kajian ini dilihat selari dengan pandangan Azizan et al. (2004) yang mendapati bahawa semangat perpaduan dan patriotisme dalam kalangan golongan muda pada hari ini mulai luntur disebabkan oleh faktor seperti pengaruh budaya global yang lebih cepat menarik minat golongan muda berbanding isu-isu kenegaraan. Situasi tersebut sekiranya tidak ditangani boleh memberi kesan negatif terhadap usaha negara dalam mengekalkan keamanan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Kajian yang dijalankan oleh mereka terhadap 500 orang mahasiswa daripada Institut Pengajian Tinggi Awan (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) mendapati bahawa terdapat empat faktor utama yang menyumbang kepada tahap perpaduan dan patriotism dalam kalangan mahasiswa iaitu daripada aspek keselamatan, ekonomi, umur dan pendidikan. Manakala kajian yang dijalankan oleh Azra (2005) pula mendapati faktor ekonomi, budaya dan pendidikan sebagai pemangkin untuk mencapai perpaduan dalam kalangan rakyat.

Kajian preliminari yang dijalankan oleh Ruth, Wong, Chong & Pung (2016) terhadap isu perpaduan kaum dalam kalangan 45 orang pelajar UKM pula mendapati bahawa secara relatifnya majoriti responden yang terlibat dalam kajian tersebut iaitu samada terdiri daripada kaum Melayu, Cina dan India telah menunjukkan hubungan yang erat dan mempunyai komunikasi merentas kaum yang efektif. Kajian mereka menunjukkan lebih daripada separuh responden mengakui bahawa mereka pernah meraikan hari perayaan dengan rakan berlainan kaum, berasa selesa menjalankan tugas merentas kaum, suka bergaul dengan rakan yang berlainan kaum, berasa selesa di bawah pimpinan kaum lain dan suka melakukan aktiviti rekreasi bersama rakan yang berlainan kaum. Dapatan kajian tersebut dilihat bertentangan dengan persepsi yang ditunjukkan oleh golongan muda pelbagai kaum terhadap perpaduan dalam negara masakini. Dapatan kajian yang dijalankan oleh Ruth, Wong, Chong & Pung (2016) menunjukkan dapatan bertentangan dengan kajian yang dijalankan oleh Abdul Rahman, Hussein, Sufean & Mohammed (2014) bahawa tahap sikap patriotisme, perasaan dan persepsi dalam hubungan kaum dan perpaduan serta nilai-nilai kenegaraan berasaskan Rukun Negara dan Perlembagaan dalam kalangan rakyat dewasa menunjukkan keadaan yang kurang memuaskan. Manakala kajian yang dijalankan oleh Suzana (2013) pula mendapati bahawa dalam menjalani kehidupan seharian, para pelajar masih belum cukup bersedia untuk tinggal sebilik dengan pelajar pelbagai etnik di kolej kediaman walaupun mereka mempunyai hubungan yang mesra dengan jiran berlainan etnik. Hasil kajian beliau juga menunjukkan bahawa pelajar yang terlibat dalam kajian mereka juga menunjukkan tidak selesa untuk berkongsi semua kemudahan yang disediakan di kolej kediaman selain tidak selesa untuk meminjamkan barangan peribadi kepada pelajar yang berlainan etnik.

Selain semangat perpaduan, tingkah laku prososial juga merupakan aspek penting dalam pembentukan perhubungan interpersonal yang positif dan penyatuan dalam kalangan seseorang individu (Babcock, Hartle & Lamme, 1995). Ia adalah sebahagian daripada proses interaksi manusia dalam sesebuah masyarakat. Menurut Desmita (2012) tingkah laku prososial merupakan suatu tindakan berbentuk sukarela dengan mengambil tanggung jawab untuk

memberi kesejahteraan kepada orang lain di sekelilingnya. Tingkah laku prososial berupaya meningkatkan perpaduan dan toleransi hidup sesama manusia walaupun tindakan tersebut hakikatnya tidak membawa keuntungan kepada diri individu yang memberikan pertolongan kepada individu lain. Manakala menurut Kartono dan Gulo (2003) tingkah laku prososial mempunyai unsur-unsur kebersamaan, kerjasama, kooperatif dan altruism. Fauziah et al (2016) pula menganggap kemahiran prososial sebagai tingkah laku suka berbuat baik kepada orang sekeliling, suka berkongsi sesuatu perkara dengan orang lain, suka membantu orang lain sekiranya mereka berada dalam kesusahan dan membantu orang lain yang memerlukan secara sukarela. Definisi ini dilihat selari dengan definisi yang diberikan oleh Ma'rof (2001) iaitu menganggap tingkah laku prososial sebagai suatu perbuatan menolong dan mengambil berat oleh seseorang tanpa rasa terpaksa dan bukan kerana kepentingan untuk diri mereka sendiri. Kajian yang dijalankan oleh Fauziah et al (2016) mendapati secara relatifnya kesemua remaja pelbagai etnik yang tinggal di kawasan terpinggir mempamerkan kemahiran prososial yang baik dan memberi gambaran positif terhadap pembentukan generasi muda masa depan yang sejahtera. Hasil ujian ANOVA yang dijalankan pula memberi petunjuk bahawa kesemua remaja pelbagai etnik yang tinggal di kawasan terpinggir menunjukkan kemahiran prososial yang baik dan keadaan ini perlu dipertingkatkan melalui program-program pembangunan belia yang disediakan oleh pihak-pihak yang berkepentingan bagi melahirkan generasi muda yang sejahtera dan dapat membantu mengukuhkan perpaduan dan keharmonian masyarakat.

Memandangkan aspek perpaduan ini amat penting dalam menentukan kemakmuran dan kesejahteraan hidup bermasyarakat dan wujudnya perbezaan hasil dapatan kajian terdahulu berkaitan dengan konsep perpaduan, maka satu kajian empirikal telah dijalankan bertujuan untuk (1) mengukur tahap semangat perpaduan dan (2) mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi semangat perpaduan dalam kalangan remaja B40 yang tinggal di kawasan perumahan rakyat di Malaysia. Hasil kajian diharap dapat dijadikan landasan, panduan dan rujukan terkini kepada pihak-pihak yang berkepentingan dalam usaha untuk menyediakan pelan strategik yang komprehensif dalam menambahbaik program-program yang membantu membina dan menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat khususnya remaja B40 yang tinggal di kawasan perumahan rakyat di Malaysia.

METOD KAJIAN

Kajian ini berbentuk tinjauan keratan-lintang secara kuantitatif. Data kajian telah dianalisis dengan menggunakan ujian deskriptif dan analisis regresi pelbagai secara *stepwise*. Penganalisan data telah dilakukan dengan menggunakan '*Statistical Package for the Social Science for Windows*' (*SPSS for Windows*). Instrumen berikut telah digunakan dalam penyelidikan:

1. Skala Semangat Perpaduan (SSP) : mengandungi 4 soalan berkaitan dengan semangat perpaduan dalam kalangan remaja B40. Nilai kebolehpercayaan untuk skala yang digunakan dalam kajian ini adalah tinggi iaitu 0.824.
2. Skala Kesihatan Diri (SKD): mengandungi 6 soalan berkaitan dengan kesihatan diri remaja B40. Nilai kebolehpercayaan untuk skala tersebut adalah 0.736.

Vol. 13, No.2 (2018) 106-115, ISSN: 1823-884x

3. Skala Tingkah Laku Prosocial (STLP): mengandungi 4 soalan berkaitan dengan sokongan tingkah laku prososial dalam kalangan remaja B40. Nilai kebolehpercayaan untuk skala tersebut adalah 0.757.
4. Skala Hubungan Kejiranan (SHK): mengandungi 6 soalan berkaitan dengan hubungan kejiranan dalam kalangan remaja B40. Nilai kebolehpercayaan untuk skala tersebut adalah 0.762.
5. Skala Semangat Cintakan Malaysia (SSCM): mengandungi 5 soalan berkaitan dengan semangat cintakan Malaysia dalam kalangan remaja B40. Nilai kebolehpercayaan untuk skala tersebut adalah 0.862.

Kesemua soal selidik ini dibina oleh Fauziah et al. (2017) dengan menggunakan likert empat skala dan pilihan-pilihannya disusun mengikut kesesuaian iaitu (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) setuju dan (4) sangat setuju. Dalam kajian ini, skor minimum adalah 1 dan skor maksimum adalah 4. Julat antara skor 1 dan skor 4 adalah 3. Julat ini kemudiannya telah dibahagi 3 dan menghasilkan 1. Berdasarkan julat tersebut, tahap semangat perpaduanj remaja PPR telah dikategorikan kepada tiga tahap seperti Jadual 1 berikut.

Jadual 1: Jadual interpretasi tahap semangat perpaduan remaja PPR

Skor tahap	Interpretasi tahap
< 2.00	Tahap rendah
2.01 – 3.00	Tahap sederhana
3.01- 4.00	Tahap Tinggi

Analisis deskriptif

Analisis deskriptif merupakan statistik yang digunakan untuk menghuraikan ciri-ciri variabel (Chua, 2012). Analisis deskriptif seperti frekuensi, min, peratusan dan sisihan piawai digunakan dalam kajian ini mencapai objektif kajian pertama iaitu mengukur tahap semangat perpaduan dalam kalangan remaja B40 yang tinggal di kawasan perumahan rakyat.

Analisis Regresi Pelbagai

Regresi pelbagai (*multiple regression*) digunakan untuk mengenal pasti perubahan dalam dua atau lebih faktor (variabel bebas) yang menyumbang kepada perubahan dalam suatu variabel bersandar (Chua, 2012). Dalam kajian ini, analisis regresi pelbagai dengan menggunakan kaedah *stepwise* digunakan untuk mengukur objektif kajian kedua iaitu untuk mengenal pasti pengaruh faktor-faktor yang mempengaruhi semangat perpaduan dalam kalangan remaja B40 yang tinggal di kawasan perumahan rakyat di Malaysia. Menurut Diekhoff (1992), kaedah *stepwise* mempunyai kelebihan berbanding dengan regresi pelbagai lain kerana melalui kaedah ini, hanya variabel peramal yang signifikan akan dimasukkan ke dalam regresi. Kelebihan yang kedua ialah regresi pelbagai *stepwise* dapat mengelakkan masalah *multicollinearity* yang wujud akibat korelasi yang kuat antara variabel-variabel peramal. Korelasi ini tidak bermakna dan ia menyebabkan analisis menjadi kurang tepat (Diekhoff, 1992). Masalah ini dapat di atasi melalui analisis regresi pelbagai *stepwise* kerana variabel-variabel yang bermasalah ini tidak akan dimasukkan ke dalam regresi.

Populasi dan sampel kajian

Dalam kajian ini, populasi kajian merujuk kepada komuniti remaja B40 yang sedang menetap di kawasan perumahan rakyat di sekitar Lembah Klang. Projek Perumahan Rakyat (PPR) merupakan kawasan perumahan yang dikhususkan untuk golongan yang berpendapatan rendah (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 2005). Jumlah sampel komuniti remaja yang terlibat dalam penyelidikan ini adalah sejumlah 244 orang remaja berumur dalam lingkungan 11-25 tahun. Pensampelan rawak bertujuan digunakan untuk memilih 244 orang remaja dengan pecahan sepertimana Jadual 2 berikut:

Jadual 2 : Lokasi dan Jumlah Sampel Kajian

Bil	Lokasi Kajian	Jumlah Sampel
1	Perumahan Rakyat, Desa Rejang	80 orang
2	Perumahan Rakyat, Pantai Ria	80 orang
3	Perumahan Rakyat Seri Pantai	84 orang
Jumlah Keseluruhan Sampel		244 orang

Proses Pengumpulan Borang Soal Selidik

Sewaktu kerja-kerja pengutipan data dilakukan, penyelidik telah dibantu oleh pembantu penyelidik untuk menjalankan kerja-kerja pengedaran dan pengutipan data. Pembantu penyelidik yang terlibat terlebih dahulu diberikan penerangan dan taklimat ringkas tentang kaedah pengumpulan data oleh penyelidik. Pasukan penyelidik dan pembantu penyelidik bekerjasama menjalankan kerja-kerja pengumpulan data kajian. Pengedaran soal selidik dilakukan secara berperingkat mengikut lokasi di tiga buah penempatan kajian yang terlibat. Memandangkan kesemua responden boleh membaca dan menulis, maka borang soal selidik telah diisi dan dilengkapkan oleh responden secara sendiri dan diawasi oleh pembantu penyelidik bagi membolehkan mereka bertanya sekiranya terdapat soalan-soalan yang masih tidak difahami. Kaedah ini dilihat amat sesuai, lebih selesa dan memudahkan kerja-kerja pengumpulan data dilakukan di ketiga-tiga lokasi kajian yang terlibat.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Menurut Aziz (2014), kecintaan, ketaatan dan kesetiaan kepada negara merupakan perkara asas yang penting dalam membentuk semangat patriotism dan perpaduan dalam jiwa setiap masyarakat dalam sesebuah negara. Dalam kajian ini semangat perpaduan merujuk kepada perasaan yang memberi penyatuan dalam kalangan remaja B40 yang tinggal di kawasan perumahan rakyat seperti hormat menghormati, bertolak ansur dan dapat menjalankan aktiviti secara bersama walaupun berlainan agama dan bangsa. Berdasarkan analisis kajian terhadap semangat perpaduan dalam kalangan remaja B40 yang tinggal di kawasan perumahan rakyat mendapati bahawa secara keseluruhannya remaja yang tinggal di kawasan perumahan rakyat menunjukkan tahap semangat perpaduan yang sederhana (59.8%) sahaja (Jadual 3). Sejumlah

35.2% menunjukkan semangat perpaduan yang tinggi dan 4.9% dalam kalangan remaja menunjukkan tahap semangat perpaduan yang rendah dan perlu dipertingkatkan.

Jadual 3: Tahap Semangat Perpaduan Remaja B40 (n=244)

Tahap	N=244	Peratus (%)	Min
Rendah	12	4.9	
Sederhana	146	59.8	2.95
Tinggi	86	35.2	
JUMLAH	244	100	

Nota: >2.00 (tahap rendah), 2.01-3.00 (tahap sederhana), 3.01-4.00 (tahap tinggi)

Secara terperinci (Jadual 4), kajian menunjukkan bahawa majoriti remaja B40 yang tinggal di kawasan perumahan rakyat mengakui bahawa mereka merasa gembira berkawan dengan rakan yang berlainan bangsa (81.1%-item 1). Majoriti dalam kalangan mereka juga mengakui bahawa mereka dan jiran-jiran di sekeliling mereka saling hormat menghormati antara satu sama lain (89.4%-item 2) dan boleh bertolak ansur dengan rakan-rakan yang berlainan bangsa (82.4%). Manakala sejumlah 87.1% dalam kalangan remaja B40 yang terlibat dalam kajian ini juga mengakui bahawa mereka boleh menjalankan pelbagai aktiviti secara bersama dengan rakan-rakan yang berlainan bangsa (87.1%-item 4). Hasil kajian ini dilihat selari dengan kajian yang dijalankan oleh Ruth et al (2016) yang mendapati bahawa majoriti responden yang terlibat dalam kajian mereka menunjukkan rasa selesa menjalankan tugas merentas kaum, suka bergaul dengan rakan yang berlainan kaum, berasa selesa di bawah pimpinan kaum lain dan suka melakukan aktiviti rekreasi bersama rakan yang berlainan kaum.

Jadual 4: Peratusan dan bilangan item semangat perpaduan dalam kalangan remaja B40

Bil	Pernyataan	Semangat Perpaduan			
		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju
		Peratus(%)/ Bilangan			
1.	Saya rasa gembira berkawan dengan rakan yang berlainan bangsa	6.6 (16)	12.3 (30)	43.0 (105)	38.1 (93)
2.	Saya dan jiran-jiran saling hormat menghormati antara satu sama lain	4.9 (12)	5.7 (14)	49.2 (120)	40.2 (98)
3.	Saya boleh bertolak ansur dengan rakan-rakan yang berlainan bangsa	4.1 (10)	13.5 (33)	48.4 (118)	34 (83)
4.	Saya boleh menjalankan pelbagai aktiviti bersama rakan yang berlainan bangsa	5.3 (13)	8.6 (21)	48.0 (117)	38.1 (93)

Manakala berdasarkan analisis regresi berganda yang dijalankan secara *stepwise* dengan menggunakan sampel kajian sejumlah 244 orang remaja (jadual 5), hasil kajian mendapati empat (4) faktor yang mempengaruhi semangat perpaduan dalam kalangan remaja B40 yang tinggal di kawasan perumahan rakyat iaitu kesihatan diri, tingkah laku prososial, hubungan kejiwaan dan semangat cintakan Malaysia.

Jadual 5: Keputusan Ujian Regresi– Faktor-Faktor Utama Mempengaruhi Semangat Perpaduan Remaja B40 di PPR (n=244)

Variabel	Beta	R	R ²	F	Sig
Kesihatan Diri	.539	.539	.290	92.049	.000
Tingkah laku Prososial	.405	.597	.356	61.871	.000
Hubungan Kejiranan	.289	.622	.387	46.909	.000
Semangat Cintakan Malaysia	.198	.633	.401	37.111	.000

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, secara signifikan, keputusan kajian menunjukkan bahawa kesihatan diri [F (1,225) =92.049, p<.05] menyumbang sebanyak 29.0 peratus varians (R²= .290) terhadap semangat perpaduan dalam kalangan remaja B40 yang tinggal di kawasan perumahan rakyat. Keputusan kajian ini menunjukkan bahawa faktor kesihatan diri (β =.539, p<.05) merupakan petunjuk utama yang mempengaruhi semangat perpaduan dalam kalangan remaja B40 yang tinggal di kawasan perumahan rakyat. Manakala kombinasi kesihatan diri (β =.405, p<.05) dan tingkah laku prososial (β =.289, p<.05) menyumbang sebanyak 6.6% perubahan tambahan terhadap semangat perpaduan. Manakala faktor hubungan kejiranan dan semangat cintakan Malaysia pula menyumbang sebanyak 3.1% dan 1.4% varians terhadap semangat perpaduan. Kombinasi keempat-empat faktor peramal tersebut telah menyumbang sebanyak 40.1% varians terhadap semangat perpaduan dalam kalangan remaja B40 yang tinggal di kawasan perumahan rakyat.

Oleh itu, bagi menambah baik dan meningkatkan semangat perpaduan dalam kalangan remaja B40 yang tinggal di kawasan perumahan rakyat, maka faktor-faktor seperti kesihatan diri, tingkah laku prososial, hubungan kejiranan dan semangat cintakan Malaysia perlu dipertingkatkan melalui program-program yang dianjurkan oleh pihak-pihak yang berkepentingan bagi membantu meningkatkan semangat perpaduan dalam kalangan remaja B40 yang tinggal di kawasan perumahan rakyat. Ini kerana semangat perpaduan merupakan aspek penting kerana ia menyemai dan menggambarkan penyatuan nilai-nilai murni yang perlu dihayati bersama dalam kalangan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai lapisan golongan kaum dan etnik di Malaysia. Hasil dapatan kajian ini juga dilihat menambah kepada pemboleh ubah baharu yang berhubungan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi bidang ilmu berkaitan dengan perpaduan dalam kalangan masyarakat. Kajian yang dijalankan oleh Aziz, Jamaluddin, Kadir & Kadaruddin (2014), terhadap 500 orang mahasiswa daripada Institut Pengajian Tinggi Awan (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) mendapati penemuan lain berkaitan dengan faktor penyumbang yang mempengaruhi perpaduan. Kajian beliau mendapati terdapat empat faktor utama yang menyumbang kepada perpaduan dan patriotism dalam kalangan mahasiswa iaitu daripada aspek keselamatan, ekonomi, umur dan pendidikan. Manakala kajian yang dijalankan oleh Azra (2005) pula mendapati faktor ekonomi, budaya dan pendidikan sebagai pemangkin untuk mencapai perpaduan dalam kalangan rakyat. Kepelbagaian faktor penyumbang yang berkaitan dengan perpaduan membantu pihak-pihak yang berkepentingan untuk menjalankan program bersesuaian dan menyediakan modul-modul yang relevan mengikut peredaran zaman bagi membantu mengukuhkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat khususnya generasi muda di Malaysia.

KESIMPULAN

Secara kesimpulan, kajian menunjukkan bahawa usaha yang dilakukan oleh pihak yang berpentingan untuk memperkukuh semangat perpaduan dalam kalangan remaja B40 yang tinggal di kawasan perumahan rakyat perlu digerakkan. Ini kerana kajian menunjukkan tahap semangat perpaduan dalam kalangan remaja B40 yang tinggal di kawasan perumahan rakyat masih lagi berada pada tahap yang sederhana. Kajian juga mencadangkan supaya empat aspek berikut diberikan perhatian oleh pihak-pihak yang berkepentingan dalam merangka program-program untuk generasi muda yang boleh membantu melonjakkan semangat perpaduan dalam kalangan remaja iaitu dengan mengadakan program-program yang berkaitan dengan peningkatan kesihatan diri, mengukuhkan tingkah laku prososial, meningkatkan hubungan kejiwaan dan memperkasakan semangat cintakan Malaysia dalam kalangan remaja B40 yang tinggal di kawasan perumahan rakyat di Malaysia. Ini kerana analisis kajian memberi petunjuk bahawa keempat-empat faktor tersebut berupaya menyumbang kepada lonjakan untuk memperkasakan semangat perpaduan dalam kalangan remaja.

PENGHARGAAN

Kajian ini telah mendapat sokongan dan pembiayaan daripada pihak Jabatan Perdana Menteri melalui kod penyelidikan SK-2016-016. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada Pusat Pemerkasaan Remaja (PERKASA) dan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM serta semua yang telah menjayakan kajian ini.

RUJUKAN

- Abdul Rahman, Hussein Ahmad, Sufean Hussin, Simin, G. & Mohammed Sani. (2014). Analisis Strategik: Dasar Pendidikan. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Abdul Rahim Abd Rashid (1999). Belia ketandusan semangat perjuangan. Dewan Budaya.
- Aziz Ujang, Jamaluddin Md Jani, Kadir Ariffin & Kadaruddin Aiyub. (2014). Kesedaran Generasi Muda Terhadap Patriotisme dan Perpaduan Nasional di Malaysia. *International Journal of the Malay World and Civilisation*. Vol 2(2):31-39
- Aziz Ujang (2014). *Kesedaran generasi muda Melayu dan bumiputera terhadap patriotisme dan perpaduan nasional di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizan Bahari, Abdul Rahman Aziz & Azimi Hamzah. 2004. *Generasi Muda Menangani Cabaran*. Alor Star: Yayasan Dr. Rodzi.
- Azra (2005). Sekolah Satu Aliran Pupuk Perpaduan. Perak: Portal Komuniti Warga Pendidikan Daerah Kerian.
- Babcock, Hartle & Lamme (1995). Prosocial Behaviors of Five-Year-Old Children in Sixteen Learning / Activity Centers. *Journal of Research in Childhood Education*, 9: 113-127.
- Chua Yan Piaw. (2012). *Asas Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Sdn Bhd.
- Diekhoff George. (1992). *Statistics for the Social and Behavioral Sciences*. Dubuque: Wm. C. Brown Publisher.

Vol. 13, No.2 (2018) 106-115, ISSN: 1823-884x

- Denison Jayasooria, (2010) “ National Unity Advisory Panel: Opportunities & Challenges In A Multi Ethnic Society”. Managing Success in Unity. Department of National Unity and Integration Prime Ministers Department. PUTRAJAYA.
- Desmita. (2012). *Psikologi Perkembangan Peserta Didik*. Bandung: PT. Remaja Rosdakarya
- Fauziah Ibrahim, Sheau Tsuey Chong, Denise Koh Choon Lian & Juliana Rosmidah Jaafar. (2016). Perbandingan tingkah laku sosial berdasarkan gender antara generasi muda tinggal di kawasan terpinggir dan arus perdana di Malaysia. Prosiding dalam International Conference on Education and Psychology 2016 (ICEduPsy16), Vol (1): 328-337.
- Fauziah Ibrahim, Norulhuda Sarnon, Salina Nen, Azianura Hani Shaari, Nasrudin Subhi, Zaizul Ab Rahman, Shahrul Nazmi Sannusi dan Mohd Nasir Selamat. (2017). *Kesejahteraan Diri Remaja Di Kawasan Perumahan Rakyat di Malaysia: Laporan Akhir Penyelidikan*. UKM, Bangi.
- Hussein Ahmad (1987). Nilai-nilai asas dalam pembangunan perpaduan nasional. Balai Muhibah: Penyebar Semangat Perpaduan. Vol. 275, pp. 4 – 8
- Kartono, K. & Gulo. (2003). *Kamus Psikologi*. Bandung: PT Eresco.
- Mohamed Yusoff Ismail. (2003). *Pendahuluan: perpaduan negara dan pembentukan bangsa Malaysia Jilid 1*. Jabatan Perpaduan Negara.
- Ma'rof, R. (2001), *Psikologi Sosial*. Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia Serdang
- Ruth, Wong, Chong & Pung (2016). *Isu Perpaduan Kaum Dalam Kalangan Pelajar UKM, Bangi: Tugas Berkumpulan Pemikiran Kritikal & Penyelesaian Masalah*. Bangi: Selangor.
- Suzana Sulaiman. (2013). *Perpaduan Pelajar Pelbagai Etnik: Kehidupan Sehari-hari Pelajar Program Diploma Tahun Dua, Sesi Pengajian 2012/2013*, Universiti Malaysia Perlis. *Proceeding of the International Conference on Social Science Research, ICSSR 2013*. 4-5 June 2013, Penang, MALAYSIA. e-ISBN 978-967-11768-1-8. Organized by WorldConferences.net

Fauziah Ibrahim, Azianura Hani Shaari, Norulhuda Sarnon, Salina Nen, Nasrudin Subhi, Zaizul Ab Rahman, Mohd Nasir Selamat & Shahrul Nazmi Sannusi

*Pusat Pemerkasaan Remaja
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi Selangor*

E-mel: ifauziah@ukm.edu.my; azianura@ukm.edu.my; norul@ukm.edu.my; salina.nen@ukm.edu.my; nas2572@ukm.edu.my; md_nasir@ukm.edu.my; zaizul@ukm.edu.my; nazmy@ukm.edu.my